





Universiti Malaysia Sarawak Kontemporari dan Berpandangan Jauh

Universiti Malaysia Sarawak, mempelawa individu yang berkelayakan dan berminat untuk mengisi jawatan Akademik yang berkenaan.


1. TIMBALAN NAIB CANSELOR PENYELIDIKAN DAN INOVASI




2. Gred: Gred Utama B (VU6)




3. Taraf Lantikan: Tukar Sementara/Pinjaman/Kontrak



4. Tempoh Lantikan: Tiga (3) tahun (Tertakluk kepada keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi)




5. Kelayakan dan Pengalaman: Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor Gred C (Berjawatan tetap/kontrak/setaraf)



6. Kriteria Umum:

a. Kecemerlangan Akademik;

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan kecemerlangan dalam khidmat profesional.



b. Pengiktirafan Antarabangsa;

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.



c. Kebolehan Memimpin dan Mengurus;

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan keboleh mampuan calon.

d. Reputasi;

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik dan dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

e. Personaliti;

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarsma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

f. Lain-Lain Kriteria Yang Difikirkan Sesuai Berdasarkan Niche Area Universiti.

7. Kriteria Khusus:

Kriteria khusus jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) mestilah berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor IPTA seperti berikut:

a. Berpengalaman Membida Projek Penyelidikan dengan Jaya;

Ini merupakan tugas hakiki Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi). Calon bukan sahaja berpengalaman menjalankan penyelidikan sebagai Penyelidik Utama (PI) tetapi menjadi peneraju IPT masing-masing untuk membida dana penyelidikan dari dalam dan luar negara

b. Mahir Mensintesis Instrumen Komitmen Penyelidikan (RU Instrument);

KPI Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) utama adalah meneraju penyelidikan di UA masing-masing. Calon bukan sahaja mahir mengenai instrumen tersebut tetapi telah menunjukkan rekod cemerlang mentransformasi penyelidikan sekurang-kurangnya di peringkat Institut, *Centre of Excellence* (COE) atau Faikulti.

c. Mempunyai Jaringan Hubungan yang Luas;

Penyandang mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas dengan industri di peringkat serantau dan antarabangsa. Selain bertanggungjawab mendapatkan projek-projek dan geran-geran penyelidikan dari sektor awam dan swasta, penyandang juga bertanggungjawab mempromosikan dan mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan di dalam dan luar negara.

d. Berkemampuan dalam Menguruskan Aktiviti Berkaitan Harta Intelek;

Penyandang mestilah seorang individu yang mampu menguruskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan harta intelek seperti penghasilan harta intelek dan latihan yang berkaitan. Ini adalah penting kerana pengurusan hubungan industri yang berkesan akan memberi pulangan kepada universiti melalui perlesenan dan pengkomersialan.

e. Cemerlang dalam Penyelidikan, Penerbitan dan Urusan Pengkomersialan;

Penyandang mestilah mempunyai pengalaman yang luas dalam pengkomersialan produk penyelidikan, mempunyai *track record* dalam penyelidikan serta penghasilan artikel berkualiti dalam jurnal berwasit agar penyandang mempunyai reputasi tinggi dan dihormati oleh kelompok sebaya/setaraf.

f. Berpengalaman Sebagai Penyelia yang Berjaya;

Penyandang mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana & PhD) terutamanya dalam mod penyelidikan. Ini kerana penyandang bertanggungjawab menentukan halatuju penyelidikan universiti dan menerapkan *research culture* di kalangan ahli akademik dan para penyelidik.

8. Cara Memohon :

Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan bersama-sama *Curriculum Vitae* (CV) berserta gambar berukuran pasport terkini dan diantar ke Pejabat Pendaftar, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sebelum **30 SEPTEMBER 2016**. CV hendaklah mengandungi maklumat-maklumat asas berikut:-

- a) Latar belakang, peribadi, keluarga, alamat surat menyurat, nombor telefon untuk dihubungi;
- b) Latar belakang pendidikan dan kerjaya; Semua salinan sijil akademik dan yang berkaitan, perlulah dikemukakan bersama permohonan ini (untuk calon yang bukan kakitangan UNIMAS).
- c) Anugerah dan hadiah yang berprestij di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- d) Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna bagi pembangunan universiti dan Pendidikan Tinggi Negara;
- e) *Key Performance Indicator* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi);
- f) Dua nama penyokong sebagai rujukan (*referee*).

9. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemubual.

10. Sebarang pertanyaan sila hubungi:

- a) Haji Abu Bakar b Ibrahim - 082-581091
Pendaftar jbakar@unimas.my
- b) Hadijah bt Hj Morni - 082-581937 / 581948
Ketua Penolong Pendaftar mhadjah@unimas.my

11. Permohonan yang lengkap hendaklah dialamatkan kepada :-

Pendaftar
Universiti Malaysia Sarawak
94300 KOTA SAMARAHAN
(u/p : Pejabat Pendaftar)
Tel : 082-581000 Fax : 082-581168

atau emel:
jobs_unimas@hrm.unimas.my

Tarikh Tutup Permohonan: **30 SEPTEMBER 2016**
(JUMAAT)

Permohonan berikut akan **DITOLAK** sekiranya tidak disertakan salinan dokumen-dokumen seperti di atas, salinan dokumen tidak disahkan, tidak lengkap atau tidak jelas, tidak ditandatangani, tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti yang ditetapkan dalam iklan dan gambar tidak seperti yang ditetapkan (gambar *scan* tidak dibenarkan). Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh permohonan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.